

Bahagian A

[60 Markah]

Arahan: Jawab semua soalan dalam bahagian ini.

1. a. Gambar berikut menunjukkan **dua** faktor pengeluaran yang digunakan dalam pengeluaran.



Terangkan **tiga** perbezaan yang terdapat dalam faktor pengeluaran tersebut. [6 markah]

F1 Tanah [1m]	F2 Modal [1m]
<i>H1 Sumber semulajadi anugerah tuhan [1m]</i>	<i>H2 Alat ciptaan manusia yang digunakan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan [1m]</i>
<i>H1a Menjadi semakin berharga / mahal [1m]</i>	<i>H2a Mengalami susut nilai / kehausan [1m]</i>
<i>H1b Tidak mempunyai mobiliti geografi / tidak boleh dipindahkan [1m]</i>	<i>H2b Mempunyai mobiliti geografi yang tinggi / mudah dipindahkan [1m]</i>
<i>H1c Pemilik tanah mendapat ganjaran sewa [1m]</i>	<i>H2c Pemilik modal mendapat ganjaran faedah [1m]</i>

- b. Maklumat di bawah berkaitan Encik Zainal.

Encik Zainal menceburi diri dalam bidang perusahaan kecil dan sederhana. Beliau mengusahakan perusahaan membuat cendawan goreng dengan mengupah lima orang pekerja.

Pada pendapat anda, adakah Encik Zainal dianggap sebagai usahawan? Berikan alasan anda. [4 markah]

- H1 Ya, Encik Zainal dianggap sebagai usahawan [1m]*
- H2 Menggabungkan semua faktor pengeluaran dengan cekap / mengupah lima orang pekerja [1m]*
- H3 Untuk menjalankan perusahaan membuat cendawan goreng [1m]*
- H4 Bertujuan mencapai keuntungan yang maksimum / kos yang minimum [1m]*
- H5 Individu yang bekerja sendiri [1m]*
- H6 Seorang yang kreatif / inovatif / bijak membuat keputusan [1m]*
- H7 Berani menghadapi risiko [1m]*

c. Terangkan masalah asas ekonomi yang masih belum diselesaikan dalam situasi di atas.

[4 markah]

F1 Berapa yang hendak dikeluarkan [1m]

H1 Penentuan kuantiti / jumlah barang yang hendak dikeluarkan [1m]

H1a Tidak berlaku masalah kekurangan atau lebihan barang di pasaran [1m]

H1b Berdasarkan permintaan masyarakat / mekanisme pasaran [1m]

F2 Untuk siapa dikeluarkan [1m]

H2 Penentuan corak agihan barang [1m]

H2a Berdasarkan corak agihan pendapatan [1m]

H2b Golongan kaya mendapat lebih banyak barang berbanding golongan yang kurang berkemampuan [

d. Jelaskan **dua** peranan kerajaan dalam sistem ekonomi di Malaysia.

[2 markah]

Peranan kerajaan dalam sistem ekonomi di Malaysia:

H1 Menyediakan barang awam seperti sekolah dan hospital [1m]

H2 Mewujudkan kestabilan ekonomi [1m]

H3 Merapatkan jurang pendapatan masyarakat [1m]

H4 Mengurangkan kesan eksternaliti negatif [1m]

H5 Mengawal harga barang dan perkhidmatan [1m]

H6 Melaksanakan program ekonomi awam [1m]

e. Dengan bantuan jadual, jelaskan hukum penawaran.

[4 markah]

H1 Hukum penawaran menyatakan semakin tinggi harga, semakin banyak kuantiti ditawarkan sebaliknya semakin rendah harga, semakin kurang kuantiti ditawarkan dengan andaian ceteris paribus [1m]

H2 Hubungan antara harga dan kuantiti ditawar adalah positif [1m]

H3 Jadual penawaran:

<i>Harga (RM)</i>	<i>Kuantiti ditawar (unit)</i>
<i>1</i>	<i>5</i>
<i>2</i>	<i>10</i>
<i>3</i>	<i>15</i>

H4 Berdasarkan jadual, apabila harga naik dari RM2 ke RM3, kuantiti ditawar meningkat dari 10 unit kepada 15 unit [1m]

H5 Sebaliknya apabila harga turun dari RM2 ke RM1, kuantiti ditawar jatuh dari 10 unit kepada 5 unit [1m]

H6 Ini menunjukkan hubungan yang positif antara harga dan kuantiti ditawar [1m]

2. a. Jadual di bawah menunjukkan pendapatan, perbelanjaan dan potongan wajib Puan Zafirah bagi bulan Januari tahun 2020.

Butiran	RM
Pendapatan	2700
Elaun	450
Makanan	700
Ansuran kereta	500
Zakat	150
Bil air, api dan telefon	320
Sewa rumah	500
Hiburan	400
KWSP	350
Akhbar / majalah	200
Pemberian kepada ibu bapa	300

Anda dikehendaki membantu Puan Zafirah menyediakan penyata belanjawan peribadi yang sistematik bagi bulan Januari 2021.

[6 markah]

Butiran	RM
<i>Jumlah pendapatan:</i>	
<i>Pendapatan</i>	2700
<i>Elaun</i>	450
<i>Jumlah pendapatan</i>	3150 [1m]
<i>Tolak potongan wajib:</i>	
<i>Zakat</i>	150
<i>KWSP</i>	350
<i>Jumlah potongan wajib</i>	500 [1m]
JUMLAH PENDAPATAN BOLEH GUNA	2650 [1m]
<i>Tolak perbelanjaan:</i>	
<i>Makanan</i>	500 [1m]
<i>Ansuran kereta</i>	500 [1m]
<i>Bil air, api dan telefon</i>	250
<i>Sewa rumah</i>	500
<i>Hiburan</i>	200
<i>Akhbar / majalah</i>	200
<i>Pemberian kepada ibu bapa</i>	300
<i>Jumlah perbelanjaan</i>	2450 [1m]
BAKI / TABUNGAN	200 [1m]

- b. Bagaimanakah cara individu menggunakan tabungan untuk memenuhi keperluan dan kehendaknya? [4 markah]

F1 Perbelanjaan terhadap barang tahan lama [1m]

H1 Perbelanjaan untuk barang kegunaan harian [1m]

H2 Melibatkan tempoh penggunaan melebihi setahun [1m]

H3 Contoh kereta / perabot / barang elektrik [1m]

F2 Perbelanjaan terhadap barang tidak tahan lama [1m]

H1 Perbelanjaan pelbagai jenis barang makanan / keperluan diri atau keluarga [1m]

H2 melibatkan tempoh penggunaan kurang daripada setahun [1m]

H3 Contoh makanan / pakaian [1m]

F3 Perbelanjaan terhadap perkhidmatan [1m]

H1 Perbelanjaan untuk perkhidmatan internet / perubatan / pelancongan / pengangkutan [1m]

H2 Contoh sewa rumah / bil elektrik [1m]

- c. Terangkan **tiga** jenis pinjaman yang ditawarkan oleh Bank Perdagangan.

[6 markah]

F1 Pinjaman peribadi [1m]

H1 Digunakan untuk membiayai kos pendidikan, pembelian barang tahan lama [1m]

H1a Pemohon tidak memerlukan cagaran tetapi memerlukan seorang penjamin [1m]

F2 Pinjaman bercagar [1m]

H2 Memerlukan cagaran untuk meminjam [1m]

H2a pinjaman dikenakan faedah dan membayar balik secara ansuran [1m]

F3 Pinjaman kad kredit [1m]

H3 Pihak bank akan membuat bayaran bagi pihak pemegang kad kredit [1m]

H3a Pemegang kad kredit perlu membayar ansuran sama ada secara bulanan atau sekaligus [1m]

F4 Pinjaman kenderaan [1m]

H4 Menawarkan pinjaman maksimum sebanyak 90% [1m]

H4a Bayaran balik selama 9 tahun [1m]

- d. Maklumat di bawah berkenaan dengan kemudahan overdraf bank perdagangan.

Encik Sharif seorang pemilik pasaraya di bandar K bercadang membuat pinjaman overdraf di Bank Sentosa bagi tujuan menambah stok modal pasarayanya. Namun isteri beliau tidak berapa setuju dengan cadangan beliau.

Jelaskan kelebihan dan kekurangan pinjaman overdraf yang dibuat oleh Encik Sharif.

[4 markah]

Kelebihan pinjaman overdraf

- H1 Boleh mengeluarkan wang melebihi baki di dalam akaun semasa [1m]*
- H2 Kebiasaanya tidak memerlukan cagaran atau penjamin [1m]*
- H3 Dikenakan faedah untuk jumlah wang yang digunakan sahaja [1m]*
- H4 Boleh digunakan oleh peniaga yang menghadapi masalah aliran tunai untuk membayar gaji dan membeli stok [1m]*

Kekurangan pinjaman overdraf

- H1 Kadar faedah yang tinggi [1m]*
- H2 Bukan semua pemegang akaun semasa diberi perkhidmatan pinjaman overdraf [1m]*
- H3 Ada had tertentu yang ditetapkan [1m]*

3. Jadual di bawah menunjukkan senarai komponen imbalan akaun semasa Malaysia pada tahun 2013.

Butiran	Bersih (RM Juta)
Eksport	298 576
Import	185 685
Pengangkutan	(2 570)
Perkhidmatan telekomunikasi	1 304
Perkhidmatan kewangan	706
Pampasan Pekerja	15 385
Pendapatan Pelaburan	(8790)
Pendapatan Sekunder	21 500

- a. Hitungkan imbalan akaun semasa Malaysia pada tahun tersebut. [5 markah]

JAWAPAN:

Imbalan Dagangan :

<i>Eksport</i>	<i>RM 298 576 juta</i>
<i>(-) Import</i>	<i><u>RM 185 685 juta</u></i>
	<i><u>RM 112891 juta</u></i>

(+) *Imbalan Perkhidmatan:*

<i>Pengangkutan</i>	<i>(RM 2570) juta</i>
<i>Per. Telekomunikasi</i>	<i>RM 1304 juta</i>
<i>Per. Kewangan</i>	<i><u>RM 706 juta</u></i>
	<i><u>(RM 560 juta)</u></i>

(+) *Pendapatan Premier:*

<i>Pampasan pekerja</i>	<i>RM 15 385 juta</i>
<i>Pendapatan Pelaburan</i>	<i><u>(RM 8790 juta)</u></i>
	<i><u>RM 6595 juta</u></i>

(+) Pendapatan Sekunder

RM 21 500 juta

RM140426 JUTA

b. Nyatakan mengapa lebihan akaun semasa memberi kesan positif terhadap ekonomi negara.

[4 markah]

JAWAPAN:

Lebihan akaun semasa memberi kesan positif terhadap ekonomi negara:

- H1 - Lebihan akaun semasa menggambarkan aliran wang dari luar negara melebihi aliran wang ke luar negara akibat perdagangan antarabangsa
- H2- Rizab mata wang asing dalam negara akan meningkat
- H3- Menunjukkan peningkatan dalam pendapatan negara
- H4- Peningkatan guna tenaga
- H5- Peningkatan taraf hidup

c. Maklumat berikut berkaitan dengan aliran wang keluar oleh pekerja asing

ALIRAN WANG KELUAR OLEH PEKERJA ASING

KUALA LUMPUR – Jumlah wang yang dikirimkan ke negara asal oleh pekerja asing meningkat sebanyak 23.2 peratus kepada RM34.75 billion pada tahun 2015. Menurut Timbalan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Johari Abdul Ghani, sebanyak RM28.21 bilion telah dihantar keluar negara oleh pekerja asing di negara kita.

Sumber: Wang pekerja asing RM34.75 bilion oleh Ahmad Mustakim Zulkifli, tahun 2016

Berdasarkan petikan di atas, jelaskan kesan pergantungan kepada pekerja asing terhadap ekonomi Malaysia.

[4 markah]

JAWAPAN:

Kesan pergantungan kepada pekerja asing terhadap ekonomi Malaysia:

- H1- Berlaku imbangang pendapatan defisit / kurangan.
- H2- Jumlah penerimaan pendapatan kurang daripada jumlah pembayaran pendapatan.
- H3- Memajukan ekonomi negara.
- H4- Projek pembangunan dapat dijalankan / disiapkan dengan cepat / segera.
- H5- Kos upah yang lebih murah.
- H6- Pekerja tempatan terpaksa bersaing dengan pekerja asing
- H7- Meningkatkan pengangguran pekerja tempatan.
- H8- Kuasa beli pekerja tempatan menurun.
- H9- Taraf hidup pekerja tempatan menurun.
- H10- Menimbulkan masalah sosial.

Menunjukkan pengetahuan yang luas dan pemahaman yang jelas
Bukti / ulasan yang relevan /Contoh yang sangat sesuai

- d. Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran asing di Pasaran Pertukaran Asing Malaysia.



Kemerosotan nilai Ringgit Malaysia melonjakkan pelancongan domestik apabila lebih ramai rakyat tempatan memilih untuk melancong di dalam negara daripada membuat perjalanan keluar negara, kata ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembalaan Malaysia (MATTA).

Sumber: <http://www.bernama.com/bernama/>

Terangkan implikasi kemerosotan nilai Ringgit Malaysia kepadaimbangan akaun semasa Malaysia.
[4 markah]

JAWAPAN:

Implikasi kemerosotan nilai Ringgit Malaysia kepadaimbangan akaun semasa Malaysia:

H1- Kemerosotan nilai RM akan menyebabkan harga import naik.

H2- Permintaan import akan menurun.

H3- Jumlah nilai import akan menurun.

H4- Harga eksport jatuh/turun.

H5- Permintaan eksport akan naik.

H6- Jumlah eksport akan naik.

H7- Jumlah nilai eksport lebih besar daripada jumlah nilai import.

H8- Berlakuimbangan semasa lebihan / positif.

Menunjukkan pengetahuan yang luas dan pemahaman yang jelas

Bukti / ulasan yang relevan

Contoh yang sangat sesuai

- e. Nyatakan tiga sekatan perdagangan antarabangsa

[3 markah]

Tarif, kuota dan subsidi

Bahagian B
[40 markah]

Arahan : Jawab mana-mana **dua** soalan dalam bahagian ini

4. Maklumat berikut berkaitan dengan satu sistem ekonomi.

Kerajaan melalui agensi-agensinya berhasrat melaksanakan projek berikut dengan peruntukan sebanyak RM20juta

- | | |
|------------------------------------|--------------|
| • Projek Jalan Desa di Kelantan | -RM20 juta |
| • Projek Tebatan Banjir di Kedah | -RM19.4 juta |
| • Klinik kesihatan Daerah di Johor | -RM22 juta |

a. Jelaskan ciri-ciri sistem ekonomi di atas. [5 markah]

-*sistem ekonomi campuran*

-*ind dan swasta bebas memiliki factor pengeluaran*

-*kerajaan mengawal pemilikan factor melalui undang2 dan peraturan*

-*matlamat kerajaan memax kebijakan rakyat*

-*Pengguna dan pengeluar bebas membuat keputusan ekonomi utk menyelesaikan masalah asas ekonomi*

-*kerajaan mengeluarkan brg awam*

-*Individu bebas membuat pilihan barang utk memax kepuasan*

-*pengeluar bebas mengeluarkan barang utk max keuntungan*

-*kerajaan akan memilih teknik pengeluaran yg max kebijakan masyarakat*

b. Mengapakah kerajaan perlu melaksanakan projek-projek tersebut? [6 markah]

- *matlamat kerajaan ialah utk max kebijakan rakyat*

-*peranan kerajaan sebagai pengeluar*

-*barang awam*

-*barang yg dpt digunakan oleh seseorang ind tanpa mengurangkan penggunaan ind lain*

-*penggunaannya tidak dikenakan bayaran atau bayaran yg plng minimum*

-*pembinaan tersebut mencipta peluang pekerjaan*

-*pendapatan masyarakat meningkat*

-*meningkatkan taraf hidup*

-*Tidak disediakan oleh pihak swasta*

-*tidak mendatangkan keuntungan*

- c. Projek yang manakah menjadi pilihan kerajaan? Bincangkan kesan pilihan tersebut.
[9 markah]

Kerajaan tidak dpt melaksanakan semua projek pembangunan tersebut kerana kerajaan mengalami masalah kekurangan hasil negara. Kerajaan tidak dpt melaksanakan Projek Jln Desa di Kelantan yg bernilai RM 20 juta dan projek Tebatan Banjir di Kedah yg bernilai RM19.4 juta serentak kr hasil negara hanya RM 20 juta shj. Maka kerajaan mengalami masalah kekurangan .

Projek yg menjadi pilihan adalah Projek Jln Desa di Kelantan ialah Projek Jln Desa di Kelantan yg bernilai RM 20 juta kerana dpt max kebaikan rakyat di Kelantan. Projek ini dpt memudahkan pergerakan penduduk di Kelantan.

Ramai penduduk di Kelantan menjlnkan peniagaan maka hasil perniagaan dpt diedarkan ke tempat lain dgn lancar. Taraf hidup penduduk di Kelantan akan meningkat kr pendapatan meningkat.

Projek Tebatan Banjir di Kedah bernilai RM19.4 juta tidak dipilih kr berlaku pembaziran sumber sebanyak RM600 000. Dgn itu akan berlaku risiko dimana penduduk di Kedah berhadapan dengan masalah banjir. Maka berlaku kerosakan harta benda dan menyebabkan rakyat di Kedah mengalami kerugian serta memerlukan perbelanjaan yg besar utk memulakan kehidupan yg baharu.

Projek pembinaan Klinik Kesihatan Daerah di Johor tidak dpt dilaksanakan oleh kerajaan kerana kekurangan hasil negara dan berlaku masalah ketidakupayaan

5. Maklumat berikut berkaitan dengan isu perdagangan antarabangsa.

Pertumbuhan perdagangan Malaysia tahun 2018 dijangka terus meningkat tetapi pada kadar yang lebih rendah berbanding tahun 2017. Kadar tarif adalah tulus dan stabil seperti yang telah ditetapkan semasa rundingan. Kadar tarif import bagi kebanyakan barang khususnya barang pembuatan juga adalah di paras rendah.

(Sumber: www..utusan.com.my, 31 January 2018)

- a. Mengapakah perdagangan antarabangsa penting bagi sebuah negara? Kemukakan pandangan anda secara terperinci. [9m]

- dpt memperoleh barang yang tidak dpt dikeluarkan di dalam negara
- meluaskan pasaran dan menjual barang tempatan ke luar negara
- meningkatkan pendptan negara
- menggalakkan pemindahan dan penggunaan teknologi dari sebuah negara ke negara lain
- menikmati barang dengan harga yang lebih murah
- menawarkan pilihan pengguna yang pelbagai
- meningkatkan kecekapan pengeluaran barang dan perkhidmatan
- membuka lebih banyak peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor
- menggalakkan mobility tenaga buruh
- menggalakkan pelaburan
- mewujudkan hubungan baik dengan rakan dagang

b. Dengan bantuan gambarajah yang sesuai, jelaskan kesan sekatan tersebut terhadap pasaran barang pembuatan tempatan. [7m]

-Rajah kesan tarif.

-Penjelasan kesan tarif

- sebelum perdagangan antara bangsa

-selepas perdagangan antarabangsa

-keluk selepas penggenaan tarif

-kesan terhadap pasaran barang pembuatan tempatan

c. Jelaskan secara ringkas kesan tarif terhadap ekonomi negara [4m]

-pendapatan negara meningkat

-perbelanjaan kerajaan meningkat sama ada perbelanjaan pembangunan atau perbelanjaan mengurus

-meningkatkan kebijakan masyarakat

-peningkatan penyediaan barang awam dan barang sosial oleh pihak kerajaan

-permintaan terhadap barang tempatan meningkat

-kuasa beli terhadap barang tempatan meningkat

-pengeluaran / hasil barang tempatan meningkat

-mewujudkan pelaburan baharu dlm industry tempatan

-Wujud peluang pekerjaan

6. Maklumat di bawah diambil dari keratan akhbar.

COVID-19: 100,000 rakyat Malaysia bakal kehilangan pekerjaan?

KUALA LUMPUR: Hampir 100,000 rakyat Malaysia bakal hilang pekerjaan jika wabak virus (covid 19) berterusan sehingga penghujung tahun ini. Menurut laporan akhbar The Sun Daily, Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) meramalkan bahawa jumlah yang diberhentikan impak ekonomi kesan daripada virus itu boleh meningkat dua kali ganda daripada 40,000 orang yang kehilangan pekerjaan tahun lalu.

Sinar Harian, 18 Februari 2020

a. Huraikan jenis pengangguran di atas? [4 markah]

- ketidakstabilan ekonomi yang akan berlaku ialah pengangguran kitaran

-apb keadaan ekonomi adalah lembap

- pm aggregate turun

-terdpt tenaga buruh yg sanggup bekerja

-ttp tidak dpt pekerjaan kr pengurangan dlm pengeluaran

-penggunaan buruh dikurangkan menyebabkan wujud lebihan buruh

-pembaziran factor buruh

-merugikan sesebuah negara

b. Bagaimanakah belanjawan defisit dapat mengatasi masalah tersebut? [7 markah]

- i.-menambahkan perbelanjaan kerajaan-mengurus dan pembangunan
- pertumbuhan aktiviti ekonomi berkembang
- cipta peluang pekerjaan bertambah
- ii. kdr pengangguran menurun
- iii. menurunkan kdr cukai
- pendapatan boleh guna meningkat
- kuasa beli meningkat
- pertumbuhan aktiviti ekonomi berkembang- pm meningkat
- kemelesetan ekonomi dipulihkan

c. Jelaskan impak kepada ekonomi negara jika ramalan persekutuan Majikan Malaysia (MEF) menjadi realiti. [9 markah]

i. *Impak kpd individu*

- kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan.
- taraf hidup merosot
- kuasa beli jatuh , permintaan aggregate turun
- tidak dpt max kepuasan
- Tahap kemiskinan dlm negara meningkat
- menimbulkan masalah kekeluargaan dlm masyarakat akibat tekanan daipada bebanan keluarga

ii. *impak kpd firma*

- berhentikan para pekerja kr tidak mahu tanggung kerugian
- pengurangan dlm permintaan menyebabkan firma terpaksa kurangkan penawaran.
- firma terpaksa membuang pekerja utk kurangkan kos operasi

iii. *impak kpd negara*

- kdr pengangguran akan meningkat
- pengangguran kitaran yg disebabkan oleh kemelesetan ekonomi
- keadaan ini akan menghalang pertumbuhan ekonomi akibat pelbagai masalah sosial yang berlaku
- hasil negara berkurang kr kutipan cukai pendapatan kurang

7. Maklumat berikut berkaitan isu yang dihadapi oleh penuntut Malaysia di luar Malaysia.

Ringgit merudum, pelajar Malaysia di luar negara tertekan

a. Penuntut Malaysia di luar negara merupakan sebahagian komposisi dagangan Malaysia. Jelaskan. [6m]

- import brg tak Nampak
- terdiri drp perkhidmatan yg disediakan oleh rakyat negara asing kpd rakyat tempatan
- terdiri drp empat kategori yg utama iaitu pengangkutan , perjalanan, urus niaga kerajaan dan perkhidmatan lain
- Termasuk dalam kategori perkhidmatan perjalanan*
- Komponen lain /import barang tak Nampak yg lain*
- perkhidmatan pelancongan yang lain
- perkhidmatan pengangkutan
- perkhidmatan telekomunikasi, computer dan maklumat
- Perkhidmatan pembinaan*

- pekhidmatan insurans dan pencen
- perkhidmatan peribadi,budaya dan rekreasi
- perkhidmatan kewangan
- perkdidmatan perkilangan
- bayaran penggunaan harta intelek

b. Kejatuhan Ringgit Malaysia yang berterusan bukan sahaja memberi kesan kepada golongan pelajar di luar negara , malah kesannya juga kepada unit ekonomi. Bincangkan [8m]

Kesan Positif

- | | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> -<i>Isi Rumah.</i> | <ul style="list-style-type: none"> - <i>menanam sifat berhemah dlm perbelanjaan</i> -<i>Lebih patriotik/beli barang buatan Malaysia</i> - <i>Memilih pusat pengajian dalam negara/ elakkan pengaliran keluar mata wang asing</i> |
| <ul style="list-style-type: none"> -<i>Firma</i> | <ul style="list-style-type: none"> -<i>menggunakan sumber dlm negara/ elakkan pengaliran keluar mata wang asing</i> -<i>menghargai sumber/ buruh tempatan</i> -<i>bersifat kreatif dan inovatif</i> -<i>permintaan ke atas keluaran tempatan meningkat</i> -<i>penawaran meningkat</i> - <i>keuntungan meningkat</i> |
| <ul style="list-style-type: none"> -<i>Kerajaan</i> | <ul style="list-style-type: none"> -<i>Perbelanjaan berhemah/ bajet</i> -<i>jumlah eksport bertambah</i> -<i>jumlah import berkurang</i> |

Kesan Negatif

- | | |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> -<i>Isi rumah</i> | <ul style="list-style-type: none"> - <i>perbelanjaan meningkat</i> -<i>kos hidup meningkat</i> -<i>taraf hidup jatuh</i> |
| <ul style="list-style-type: none"> -<i>Firma</i> | <ul style="list-style-type: none"> -<i>perbelanjaan ke atas kos pengeluaran(import)meningkat</i> -<i>kekurangan sumber buruh tempatan tidak sesuai dgn pengeluaran</i> |
| <ul style="list-style-type: none"> -<i>Kerajaan</i> | <ul style="list-style-type: none"> -<i>jumlah nilai eksprt jatuh</i> -<i>jumlah cukai jatuh</i> -<i>pengaliran wang keluar meningkat</i> -<i>keuntungan meningkat</i> -<i>beban kewangan/ hutang negara meningkat</i> |

c. Berdasarkan maklumat diatas, kadar pertukaran asing antara Dolar Amerika dengan Ringgit Malaysia ialah, USD1=RM3.80. Bincangkan bagaimanakah kadar pertukaran tersebut ditentukan? [6m]

Penentuan kadar pertukaran asing antara RM dan USD diterangkan dgn rajah

- *Pertukaran asing merujuk kepada mata wang negara lain yg dimiliki oleh sesebuah negara*
- *Kdr pertukaran asing ditentukan melalui interaksi ant permintaan dan penawaran m/w asing dlm pasaran pertukaran asing*
- *Keluk DD bersilang dgn keluk SS/ keseimbangan yg ditanda dgn E*